

08/02/1998

Lima bahagian mungkin berlaku perebutan jawatan

SETIU: Setiausaha Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor tidak menafi dakwaan calon yang berhasrat bertanding merebut jawatan Ketua Umno bahagian pada pemilihan peringkat bahagian Mac ini ditaja pihak tertentu yang tidak sehaluan dengan penyandang jawatan sekarang.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini, Umno negeri tidak mempunyai maklumat bahawa ada calon yang berhasrat bertanding merebut Ketua Umno bahagian itu ditaja pihak tertentu.

"Umno negeri boleh mengenakan tindakan tatatertib jika terbukti ada kalangan ahli Umno yang menaja calon tertentu mencabar Ketua Umno bahagian sekarang," katanya di majlis perjumpaan Aidilfitri di Kem Bari, dekat sini semalam.

Selain itu, Tengku Mahmud yang juga Timbalan Menteri Pertanian berkata, ada juga calon yang berhasrat mencabar ketua Umno bahagian merasakan diri mereka layak memegang jawatan itu.

Difahamkan ada lima bahagian Umno di negeri ini iaitu Kuala Terengganu, Dungun, Besut, Marang dan Hulu Terengganu dijangka berlaku perebutan jawatan penting.

Ketua Umno bahagian Besut, Datuk Dr Yusof Noor dikatakan akan dicabar bekas Setiausaha Umno bahagian, Daud Abu Bakar; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud (Kuala Terengganu) pula akan dicabar bekas Ahli Parlimen, Zuber Embong; Tengku Putera Awang (Hulu Terengganu) akan dicabar bekas Ahli Dewan Undangan negeri Telemong, Datuk Ahmad Sidi Ismail; Datuk Syed Omar Mohamad (Dungun) akan ditentang Awang Jabar (Adun Bukit Besi) dan Datuk Muda Mamat (Marang) pula dicabar naib Ketua Umno bahagian, Azmi Ahmad.

Tengku Mahmud juga berkata, tidak semestinya Ketua Umno bahagian yang sudah lama memimpin sesuatu bahagian itu perlu diganti sedangkan mereka masih berwibawa memimpin bahagian itu, begitu juga sebaliknya.

Ketua Umno bahagian Setiu itu turut meminta calon yang berhasrat bertanding itu mematuhi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merangkumi semua Umno bahagian di seluruh negara bukannya ditujukan khas untuk Kelantan.

"Umno negeri tidak boleh menghalang mereka yang berhasrat bertanding jika mendapati kepemimpinan di sesuatu bahagian itu merosot dan menimbulkan masalah kepada ahli," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, ahli Umno dalam bahagian itu boleh menilai sendiri kepemimpinan di bahagian serta calon yang akan bertanding, bukannya dipengaruhi sentimen kebendaan.

"Perlembagaan parti membenarkan pertandingan asalkan objektif asal berpolitik tidak tergugat dan tidak mencetuskan perpecahan di kalangan ahli," katanya.

(END)